

BAB ENAM

KESIMPULAN

Kajian ini dengan menggunakan pendekatan sejarah telah berusaha untuk memperlihatkan faktor-faktor yang mendorong kepada termeterainya perjanjian tersebut dan proses-proses yang terlibat dalam menjayakan perjanjian perbekalan air di antara Republik Singapura dengan negeri Johor. Perjanjian yang bersejarah ini telah dimeterai pada tahun 1927 dan kemudiannya telah diperbaharui secara rasmi pada tahun 1961 dan 1962. Perjanjian sejarah ini diabaikan secara total walaupun ianya telah menjadi nadi pembangunan kepada ekonomi Republik Singapura dan negeri Johor. Untuk memahami sejarah perjanjian perbekalan air Singapura-Johor, kajian yang teliti dan mendalam perlu dilakukan seawal pembukaan Pulau Singapura itu sendiri.

Pada peringkat awal abad ke 19, pembukaan pelabuhan Singapura, bekalan air adalah mencukupi. Bekalan air disediakan khusus dari *watering place* oleh syarikat-syarikat perdagangan tanpa penglibatan pihak kerajaan. Sementara itu, bilangan penduduk yang sedikit yang mendiami kawasan luar pelabuhan bergantung kepada sumber air dari telaga, sungai dan hujan.

Perkembangan sektor perdagangan dan perkapalan telah merangsang peningkatan jumlah penduduk melalui proses migrasi secara langsung telah menyebabkan Singapura mengalami proses perbandaran yang pesat. Proses perbandaran ini tidak seiring dengan pembangunan sumber air yang mana kaedah bekalan sumber air masih bergantung kepada sumber semulajadi iaitu telaga, sungai dan hujan.

Perkembangan dalam perdagangan dan perkapalan serta peningkatan penduduk telah mewujudkan masalah kekurangan bekalan air. Keadaan bertambah buruk apabila berlakunya musim kemarau. Kekurangan bekalan air menyebabkan bandar Singapura tercemar dengan segala macam kekotoran dan bau.

Dalam berdepan dengan masalah kekurangan air peniaga-peniaga air berketurunan Cina mengambil kesempatan menangguk di air keruh dengan menjual bekalan air kepada pelabuhan dan orang awam dengan harga yang tinggi. Pihak kerajaan yang selama ini memiliki kolam air di Government Hill untuk kegunaan bangunan kerajaan turut juga mengambil kesempatan dengan mengenakan kutipan cukai perkhidmatan ke atas bekalan air yang dibekalkan kepada pelabuhan. Pihak kerajaan tidak menjual bekalan air kepada orang awam.

Masalah kekurangan bekalan air telah memberi imej dan kesan

buruk kepada pelabuhan Singapura. Kerajaan Negeri-negeri Selat telah didesak oleh pedagang-pedagang supaya mengatasi masalah ini. Mahu tidak mahu, kerajaan terpaksa menyediakan di pelabuhan kemudahan-kemudahan seperti *spouts*, *water carts*, *water boats*, *force pumps*, kolam dan tangki air serta membina saluran *iron-cast*.

Sementara itu, perbekalan air untuk bandar dan kawasan luar bandar masih diabaikan. Kerajaan Negeri-negeri Selat telah didesak oleh orang awam melalui akhbar tempatan, petisyen dan sebagainya supaya melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Oleh kerana pihak kerajaan lambat bertindak dan suasana masih seperti sedia ada peniaga-peniaga Cina telah mengenakan harga air yang tinggi di bandar dan pelabuhan Singapura berikutan sumber air yang hampir kering. Peniaga-peniaga ini mengambil sumber air payau dan dijual secara runcit dalam unit baldi. Harga air yang terus meningkat menyebabkan penduduk merasa resah dan tidak puas hati.

Tekanan hebat juga datang daripada pedagang-pedagang tempatan terhadap sistem perbekalan air di bandar Singapura, ekoran dari kekecohan dan kebakaran yang memusnahkan harta benda awam, gudang, kedai dan juga kediaman pegawai kerajaan. Pengalaman pahit di atas telah mendorong pedagang-pedagang dan orang-orang yang berpengaruh untuk

mendesak supaya diadakan saluran air khas atau *hidrant* di kawasan perbandaran yang padat penduduk bagi mengatasi masalah kebakaran di masa akan datang.

Akhirnya pada tahun 1856, Majlis Perbandaran Singapura yang terdiri daripada pegawai kerajaan, pedagang dan orang-orang kenamaan telah ditubuhkan oleh kerajaan dengan tujuan untuk menyediakan perkhidmatan asas dan menyelesaikan masalah kekurangan air di kawasan perbandaran dan pelabuhan Singapura. Majlis ini banyak menyuarakan ketidakpuasan hati rakyat kepada kerajaan berikutan sistem perbekalan air yang tidak sempurna. Majlis ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah kekurangan sumber ini di Pulau Singapura.

Dalam tempoh 10 tahun pertama Majlis Perbandaran Singapura ditubuhkan beberapa usaha telah dilakukan. Antaranya, pada tahun 1852, Kerajaan Negeri-negeri Selat telah mengarahkan J.T. Thompson, juru ukur kerajaan, menyelidik potensi perbekalan air di Singapura. Usaha ini kemudiannya diteruskan oleh Majlis Perbandaran Singapura dengan bantuan derma seorang pedagang ternama iaitu Tan Kim Seng. Kedua-dua usaha ini gagal kerana kos yang tinggi dan ketidaksesuaian dengan jenis saluran paip yang digunakan. Selepas menghadapi kegagalan, Gabenor

Negeri-negeri Selat iaitu pegawai tinggi Syarikat Hindia Timur telah bertindak melelong saluran paip yang akan digunakan. Hasil lelongan ini tidak digunakan untuk pembangunan air tetapi sebaliknya telah disalurkan untuk membiayai pembinaan kubu pertahanan Singapura yang dirancang oleh pentadbiran Calcutta di India.

Polisi pusat di Calcutta telah dikritik hebat oleh golongan pedagang dan orang kenamaan di Singapura serta Pejabat Kolonial di London melalui pelbagai saluran termasuk akhbar, memorandum, petisyen, mesyuarat dan sebagainya. Persoalan ini juga telah dibincangkan hangat di Parlimen London. Isu kelemahan pengurusan bekalan air ini, akhirnya Kerajaan British telah membuat keputusan memindahkan kuasa pentadbiran Syarikat Hindia Timur ke Pejabat India dan akhirnya berpindah ke Pejabat Kolonial di London. Peristiwa penting dalam sejarah Singapura ini tidak pernah dikemukakan walaupun bukti-bukti sejarah mengenainya terdapat dalam pelbagai bentuk.

Pada tahun 1872 di bawah pentadbiran Gabenor yang baru iaitu Andrew Clarke, penyelidikan perbekalan air di Singapura giat dijalankan. Penyelidikan ini melibatkan khidmat dari syarikat perunding berpengalaman dalam bidang perbekalan air dari India dan London. Penyelidikan ini telah menitikberatkan kedudukan dan keluasan kawasan

tadahan, perletakan tambak dan kolam air, pusat memproses air, jenis saluran, stesen pam serta kawasan dan jumlah pengagihan ke bandar.

Setelah berjaya membina kolam air perkhidmatan yang pertama untuk pelabuhan, perkapalan, pertahanan, bangunan kerajaan, bandar dan domestik di Mount Emily pada tahun 1878, Majlis Perbandaran Singapura telah diberi kuasa penuh meneruskan penyelidikan. Usaha ini perlu diteruskan kerana semua pihak iaitu Pejabat Kolonial, Kerajaan Negeri-negeri Selat, Majlis Perbandaran Singapura dan orang awam menyedari kolam air yang didirikan tidak dapat menjamin bekalan air jangka panjang.

Selepas pembinaan Kolam Air Mount Emily, Majlis Perbandaran Singapura telah membina Kolam Air Seletar, Kallang dan membesarkan kolam air di Government Hill. Selepas pembinaan semua kolam di atas didapati bekalan air yang ada masih tidak mencukupi dan tidak dapat menampung permintaan. Penyelesaiannya, Majlis Perbandaran Singapura menyarankan pengambilan sumber air dari luar Singapura dengan cara berunding dan bekerjasama dengan negeri Johor. Ini mudah dilakukan kerana pada tahun 1914 negeri Johor telah menerima *British General Adviser*.

Di peringkat awal untuk membangunkan sumber air bagi memenuhi keperluan bandar Johor Bharu, *British General Adviser* Johor

mencadangkan supaya sumber air dari Gunung Pulai dibangunkan. Apabila Majlis Perbandaran Singapura berunding dengan *British General Adviser*, Johor, persetujuan telah dicapai untuk menjalankan penyelidikan kawasan sumber air di Sungai Johor yang meliputi kawasan Semangar, Lenggiu, Muntahak, Pelepah dan Jengeli. Hasil penyelidikan mendapati keseluruhan kawasan ini sesuai dibangunkan dan mengenalpasti bahawa Gunung Pulai merupakan kawasan tadahan terbaik. Dalam memorandum perjanjian yang dibuat pada tahun 1921, persetujuan di antara dua pihak telah dicapai untuk membangunkan sumber air di Gunung Pulai terlebih dahulu dan sumber air dari Sungai Johor akan dibangunkan kemudiannya. Sumber air Sungai Johor dapat dianggap sebagai bekalan simpanan untuk masa akan datang. Semua penyelidikan tentang sumber air di atas dari segi kepakaran, peralatan dan dana dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Singapura. Dalam hal ini, negeri Johor hanya memberikan keizinan menjalankan penyelidikan.

Penyelidikan yang dijalankan menunjukkan bekalan sumber air Gunung Pulai dijangka dapat memenuhi permintaan sehingga tahun 2020. Dengan keluasan tadahan 2,100 ekar, sumber airnya mampu menyediakan keperluan untuk seluruh Pulau Singapura dan keperluan bandar Johor Bharu. Untuk mendapatkan bekalan air di atas, infrastruktur perbekalan air

seperti perancangan kewangan, pelan, pengurusan, pembinaan dan penyeliaan yang baik diperlukan. Dalam hal perbekalan air ini Singapura menjalankan tugas mengumpul air mentah, menyalur, merawat dan mengagih. Johor Bharu akan membeli air yang telah diproses dan dirawat di Singapura.

Pada tahun 1923 draf perjanjian perbekalan air Johor-Singapura telah dikeluarkan. Draft ini dirangka oleh penasihat undang-undang Suruhanjaya Majlis Perbandaran Singapura, Messrs Drew & Napier. Dalam draf perjanjian ini beberapa perkara telah ditekankan oleh Majlis Perbandaran Singapura. Antaranya ialah pihak Majlis Perbandaran Singapura meminta kepastian siapakah wakil sebenar Kerajaan Johor, Lembaga Perbandaran Johor Bharu atau Kerajaan Negeri Johor.

Majlis ini berusaha meletakkan perjanjian air kekal untuk selamanya bagi menggantikan tempoh 21 tahun yang dipersetujui dalam Memorandum 1921.

Selain itu, jumlah air yang dibeli oleh Johor dari saluran paip milik Majlis Perbandaran Singapura dihadkan kepada tiga saluran sahaja. Sebelum ini jumlah yang dicadangkan ialah enam buah saluran.

Pihak Johor dibenarkan melihat akaun selepas 15 tahun perkhidmatan air diperkenalkan untuk mempertimbangkan semula bayaran

royalti ke atas air mentah yang disalurkan dari Johor ke Singapura.

Perundingan perjanjian perbekalan air ditamatkan pada 5 Disember 1927 di mana Suruhanjaya Majlis Perbandaran Singapura dan Yang Mulia Sultan Ibrahim yang mewakili Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju memperbaharui semula Perjanjian Perbekalan Air 1927, setelah 21 tahun. Perjanjian ini hanya menyentuh persoalan bekalan air di Gunung Pulai. Kawasan-kawasan bekalan air yang lain tidak terlibat langsung dalam perjanjian tersebut dan hanya akan disentuh dalam perjanjian akan datang pada tahun 1948. Dengan termeterainya perjanjian ini pihak Singapura telah berjaya menyelesaikan masalah bekalan air semasa di pulau tersebut.

Sementara itu, melalui perjanjian ini Kerajaan Johor selain daripada menerima royalti daripada bekalan air mentah telah juga menerima bekalan air bersih untuk kegunaan bandar Johor Bharu dari Singapura. Bandar-bandar kecil dan kawasan luar bandar di negeri Johor masih lagi memperolehi bekalan air dari sumber semula jadi iaitu telaga, sungai dan hujan.

Usahasama Singapura-Johor telah berjaya mengatasi masalah bekalan air semasa. Bagaimanapun dengan berlakunya Perang Dunia Kedua pada Disember 1941, masalah bekalan air muncul semula. Ini disebabkan pada peringkat awal Angkatan Tentera Jepun telah memotong

bekalan air dari Gunung Pulai ke Singapura. Walaupun ini berlaku Kerajaan Singapura masih dapat bertahan kerana sumber air boleh didapati dari bekalan air Mount Emily (Kolam Air MacRitchie), Kallang (Kolam Air Pierce), Government Hill (Kolam Air Fort Canning) dan Seletar. Bagaimanapun Singapura tidak dapat bertahan lama dan terpaksa angkat tangan apabila Tentera Jepun mengebom saluran-saluran paip di bandar Singapura. Pengalaman ini mengajar Singapura akan erti kepentingan bekalan air.

Selepas perang tamat usaha membangunkan semula bekalan air perlu diteruskan segera. Tindakan awal membaiki semula semua kolam dan saluran paip yang rosak akibat perang. Seterusnya sebelum Perjanjian Perbekalan Air 1927 tamat pada tahun 1948, Majlis Perbandaran Singapura telah berunding untuk menyambung perjanjian perbekalan air yang baru. Dalam kerangka perjanjian yang baru ini tumpuan diberikan kepada pembangunan bekalan sumber air dari beberapa lokasi di Sungai Johor. Perjanjian ini apabila tiba masanya pada tahun 1948, telah tidak dapat ditandatangani kerana pada masa itu adalah zaman darurat. Selain daripada itu pada tahun ini juga terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu yang corak pemerintahannya secara umum terbahagi dua iaitu di peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri. Dalam pada itu, pada tahun 1946 Singapura telah

terbentuk sebagai sebuah koloni yang tersendiri.

Setelah beberapa siri rundingan akhirnya pada tahun 1961, perjanjian perbekalan air Singapura-Johor telah ditandatangani oleh Setiausaha Negeri Johor bagi mewakili Kerajaan Negeri Johor sementara Koloni Singapura diwakili Presiden *City Council Singapore*. Majlis Perbandaran Singapura yang terlibat dalam perjanjian 1927 tidak lagi terlibat kali ini. Sementara bagi negeri Johor, wakilnya telah berubah daripada Sultan kepada Setiausaha Negeri.

Perkara yang lebih penting kedua-dua perjanjian 1927 dan 1961, adalah berasaskan kepada Memorandum 1921 yang telah dipersetujui oleh *British General Adviser Johor* dan Presiden Majlis Perbandaran Singapura. Ini meletakkan Kerajaan Negeri Johor dalam keadaan terbelenggu kerana sebarang penolakan tidak dapat dilakukan kerana tidak berhati-hati dalam memersetujui Memorandum 1921. Ini begitu jelas apabila Kerajaan Negeri Johor terpaksa bersetuju kepada isi kandungan Perjanjian Perbekalan Air 1962 yang mana asasnya adalah kepada Memorandum 1921.

Dalam Perjanjian Perbekalan Air Singapura-Johor 1962 yang akan disemak semula pada tahun 2061, *City Council Singapore* berhak mendapatkan bekalan air tidak hanya Gunung Pulai malah meliputi seluruh

sumber bekalan air dari Sungai Johor. Proses dan persetujuan Perjanjian Perbekalan Air 1961 dan 1962, yang telah ditandatangani itu tidak langsung melibatkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu merdeka.